

**18/02/2017 - Majlis Perasmian dan Penyerahan Dewan SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya,  
Kuala Selangor**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Dato’ Sri Alias bin Hj Ahmad,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia;

**Yang Berbahagia Dato’ Sri Dr. Khair Bin Mohamad Yusof,**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

**Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Salleh bin Mohd Kassim,**  
Pengarah Pendidikan Selangor;

**Yang Berbahagia Dato’ Mohamed Raffe bin K. Chekku,**  
Pengerusi Yayasan Rafulin;

**Yang Berbahagia Dato’ Razali bin Othman,**  
Pemegang Amanah Yayasan Rafulin dan Pengerusi Rafulin Holdings;

**Yang Berbahagia Dato’ Sri Dr. Irmohizam bin Ibrahim,**  
Ahli Parlimen Kuala Selangor;

**Yang Berusaha Puan Marpuaton binti Sastero,**  
Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor;

**Yang Berusaha Encik Azmi bin Misron,**

Pengetua SMK Raja Muda Musa;

**Yang Dihormati Encik Nor Azlan bin Tunggal,**

Yang DiPertua PIBG SMK Raja Muda Musa;

Pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan dan Daerah,

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan seterusnya warga SMK Raja Muda Musa sekalian

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat bertemu lagi dalam Majlis Penyerahan dan Perasmian Dewan Rafulin SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya pada pagi ini.

2. Saya masih ingat lagi, pada tanggal 13 Disember 2015 saya telah sempurnakan Majlis Perasmian Pecah Tanah bagi pembinaan dewan ini. Pada ketika itu, saya memang tidak sabar untuk melihat hasilnya dan kini projek pembinaan Dewan Rafulin yang indah ini telah menjadi satu kenyataan.

3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Pengerusi Yayasan Rafulin dan Alumni Kohort 82-86 Sekolah Menengah Batang Berjantai kerana sangat komited dalam menjalinkan kerjasama yang erat dengan SMK Raja Muda Musa untuk menjayakan projek pembinaan dewan ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian.

4. Melalui transformasi sistem pendidikan, guru-guru pada hari ini disarankan untuk melakukan perubahan dan pembaharuan dalam organisasi masing-masing yang bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu, malah perlu melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka **dengan lebih menyeluruh lagi.**

5. Seajar dengan itu, konsep "**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**" (MPA) telah diperkenalkan untuk semua penjawat awam di negara ini, agar dapat memupuk tanggungjawab mereka sebagai penyampai perkhidmatan kerajaan yang memahami keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat.

6. Oleh itu, saya telah menyeru semua penjawat awam khususnya warga pendidik supaya dapat bersama-sama dalam **membudayakan enam prinsip MPA** iaitu keterbukaan, musyawarah, turun padang, insaniah, kekitaan serta kerjasama dengan sektor awam, swasta dan Badan Bukan Kerajaan. Malah pada hari ini, saya sangat gembira kerana salah **satu prinsip MPA telah berjaya dibudayakan di sekolah ini**. Kejayaan pihak sekolah menjalinkan kerjasama dengan sektor swasta dalam menyediakan pembangunan fizikal demi kesejahteraan warganya adalah satu langkah yang tepat dan bijak. Syabas diucapkan.

7. Saya juga berharap agar inisiatif seumpama ini dapat **dijadikan contoh atau dapat didokumentasikan** dengan cara terbaik sebagai satu rujukan kepada masyarakat kita mahupun di luar negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sempena dengan Amanat Tahun Baru oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, beliau telah menyatakan bahawa tahun 2017 adalah tahun penyampaian oleh warga perkhidmatan awam untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Beliau berkata "Fokus kita tahun ini - **delivery, delivery and delivery** (penyampaian, penyampaian dan penyampaian)".

9. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya amanat ini perlu digalas dengan sebaiknya oleh kita semua. Sebagai penjawat awam, kita diharap untuk memperkukuh dan memperkasa organisasi masing-masing dengan **meningkatkan produktiviti kita melalui penekanan budaya kreativiti dan inovasi**. Malah setiap Kementerian dan Jabatan perlu mengelakkan daripada bekerja dalam silo masing-masing atau lingkungan masing-masing, sebaliknya harus bekerjasama secara bersepadu kerana matlamat utama kita adalah untuk manfaat rakyat.

10. Dalam konteks ini, aspirasi untuk meningkatkan keupayaan SMK Raja Muda Musa sebagai sebuah sekolah yang cemerlang dan terbilang bukan sahaja terletak di bahu atau kewibawaan kepimpinanannya. Namun setiap kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa **penglibatan yang proaktif** daripada kakitangan atau warga organisasi, mahupun penglibatan komuniti secara bersama.

11. Saya percaya warga pendidik di sini lebih proaktif dengan bukan sahaja mendidik para pelajar, malah mengambil berat akan kebajikan mereka. Andai, ada pelajar yang menunjukkan kurang minat atau lemah terhadap sesuatu subjek, perkara ini perlu diatasi secara bersama dengan sokongan daripada golongan ibubapa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Kajian antarabangsa juga jelas menunjukkan bahawa proses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah. Di negara kita misalnya, kira-kira satu perempat (1/4) daripada waktu murid yang berumur antara tujuh hingga 17 tahun, dihabiskan di sekolah. Oleh itu, keutamaan kini adalah melakukan anjakan daripada “pembelajaran sekolah” kepada “sistem pembelajaran” dengan **melibatkan ibu bapa, masyarakat, sektor swasta dan sektor sosial** sebagai rakan dalam membantu pembelajaran murid.

13. Dengan adanya dewan ini, selain program-program yang berteraskan akademik, kerohanian, sukan atau aktiviti-aktiviti lain bersifat santai juga boleh dilakukan secara bersama di antara warga sekolah dan komuniti setempat. Program dan aktiviti seumpama ini akan memperluaskan horizon para pelajar dengan **memupuk hobi-hobi yang sihat, baru dan berfaedah**. Penyertaan bersama daripada golongan ibubapa juga akan secara tidak langsung dapat **memperkuatkan hubungan institusi kekeluargaan**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Saya berharap dengan adanya Dewan Rafulin ini, ia akan menjadi sebagai satu titik tolak kepada pihak sekolah untuk **mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif** dengan penglibatan komuniti setempat dan pihak berkepentingan yang lain. Persekitaran yang kondusif ini akan membantu pelajar-pelajar untuk mengukir kecemerlangan daripada segi akademik, kokurikulum dan sahsiah diri.

15. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Alumni Kohort 82-86 SM Batang Berjuntai di atas sokongan menjadikan impian dan harapan SMK RMM untuk membangunkan sebuah prasarana fizikal sekolah akhirnya tercapai.

16. Sekalung penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Yayasan Rafulin, di mana sumbangan syarikat dalam membantu sekolah dengan membina prasarana seumpama ini adalah satu tanggungjawab sosial korporat yang besar nilainya. Hanya Allah S.W.T sahajalah yang dapat membalas budi baik anda semua. Saya mendoakan semoga dewan ini akan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak dan saya berharap warga sekolah akan dapat **menjaga dewan ini dalam keadaan yang baik dan sempurna demi kesejahteraan bersama.**

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Dewan SMK Raja Muda Musa, Bestari Jaya pada hari ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal-hidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2017 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2109>